

PANTUN PENYELESAIAN KONFLIK

Muhammad Haji Salleh

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarbangsa
(*Centre for Policy Research and International Studies*)
Universiti Sains Malaysia - Penang

Abstrak

Tulisan ini bertujuan mengungkap fungsi pantun yang dapat menyimpan keseluruhan pengalaman hidup manusia Melayu, dari unsur-unsur alam yang dilihat setiap hari, kepada adat istiadat, kasih sayang serta hubungannya dengan Tuhan. Pantun merupakan puisi lengkap yang melukis wajah dan perasaan serta jiwa bangsa Melayu atau dengan kata lain dalam pantun boleh ditemukan hidup, hati, dan jiwa orang Melayu.

Fakta saat ini menggambarkan bahwa dalam masyarakat Melayu, pepatah-petitih, perbilangan, dan jenis-jenis peribahasa lainnya sarat dengan kandungan makna dan cara menyelesaikan masalah dan konflik (lihat Muhammad, 2012). Kajian ini merupakan lanjutan dari penelitian sebelumnya tentang sumber-sumber sastra yang berhubungan dengan penyelesaian konflik.

Pantun merupakan sebuah medium yang dipakai di berbagai-bagai tempat dan ruang kehidupan – dari halaman permainan di mana anak-anak mengejek di antara satu sama yang lain, kepada medan luas, rumit dan penuh gairah percintaan, kisah wayang dan hikayat, tempat kerja, pondok pesantren, sekolah, dan lagu. Dimensi ruang penggunaannya terdiri peringkat usia dan derajat sosial pengguna dan pendengarnya, dari anak sekolah, kekasih, gadis, jejaka, dari kawan, penyanyi dan pendengar, penghulu, dan raja.

Kata kunci: *pantun, penyelesaian, dan konflik*

Abstract

This article aims to uncover the function of traditional poetry that keeps the entire human experiences of Malay people, in terms of the elements of nature that are seen every day, customs, love and relationship with God. Traditional poetry is a poem that completely painted the faces, feelings and spirits of the Malays, or in other words, in traditional poetry we can find the life, heart, and soul of Malay people.

The fact today depicts that in Malay society, the aphorism, sayings, and other types of proverbs are loaded with the content of the meaning and the way of how to resolve issues and conflicts (see Muhammad, 2012). This study is a continuation of the previous studies of literary sources which are related to conflict settlement.

Traditional poetry is a medium that is used in various places and spheres of life – from playing yards in which kids taunt among each other, to the more comprehensive, complicated and passionate romance, wayang stories and tales, workplace, massionette, schools, and songs. In terms of the users, the traditional poetry is spoken by the people from all strata of ages, social levels, and hearers, it is spoken by school children, lovers, girls, youth, friends, singer and listener, village chief and the king.

Keywords: *poetry, settlement, and conflict*

PENDAHULUAN

Konflik yang terjadi dalam masyarakat perlu diatasi agar masyarakat dapat hidup dan berkembang secara baik dan terus maju. Fakta menggambarkan (lihat Muhammad, 2012) bahwa dalam masyarakat Melayu, pepatah-petitih, perbilangan, dan jenis-jenis peribahasa lainnya sarat dengan kandungan makna dan cara menyelesaikan masalah dan konflik. Peribahasa adalah baris-baris padat dan sarat yang sering dirujuk dan digunakan dari zaman ke zaman, karena nilai dan kandungannya dapat diterima serta kerelevanannya berhasil dalam masyarakat. Kajian ini merupakan lanjutan dari penelitian sebelumnya tentang sumber-sumber sastra yang berhubungan dengan penyelesaian konflik. Selain penelitian tentang peribahasa, maka genre kedua yang dipilih ialah pantun.

MENGAPA PANTUN?

Soalan: Di manakah boleh kita baca wajah dan jiwa bangsa Melayu? Kita maklum bahawa sastera itu berbagai-bagai jenis genre dan bentuknya. Misalnya peribahasa mengatur cadangan yang praktikal dalam hal etika dan lakuan harian. Cerita lisan pula mengungkap teladan dan makna kehidupan. Demikian pula hikayat yang lebih rumit tapi masih menyusur pengalaman sebenar manusia. Agak jelas, selain dalam peribahasa, pantunlah yang mungkin membawa kita kepada jiwa orang Melayu ini.

Tidak seperti peribahasa, yang membentangi ruang kehidupan yang penting – nilai, dasar-dasar masyarakat, perlakuan, hukuman dan sebagainya, dan yang lebih resmi bentuknya, pantun pula lebih santai dan malah agak peribadi sifatnya. Rangkap-rangkapnya muncul daripada manusia yang merenung, mencari makna dan yang sedang melukis perasaannya. Dunia perasaan ini cukup besar jaringannya, kerana orang Melayu lebih sering menilai dan memerikan kehidupan melalui perasaan – iaitu dari sudut hatinya.

Seterusnya pantun ialah sebuah medium yang dipakai di berbagai-bagai tempat dan ruang kehidupan – dari halaman permainan di mana anak-anak mengejek di antara satu sama yang lain, kepada medan luas, rumit dan penuh ghairah percintaan, kepada kisah wayang dan hikayat, kepada tempat kerja, ke pondok pesantren, ke sekolah, kepada lagu dan nasyid dll. Ruangnya berbagai-bagai dan begitu pula peringkat usia dan darjat sosial pengguna dan pendengarnya - daripada anak dalam buaian hinggalah kepada murid sekolah, kekasih, gadis, jejak - kepada kawan, penyanyi dan pendengar, penghulu, raja, orang bersalah dan juga orang yang misali.

Ternyata jumlah ruangnya dan juga orang yang terlibat di dalamnya macam-macam sekali. Dalam baris-baris pantun pula kita dapat menemui rupa dan sifat watak-watak unggul atau yang dianggap jahat dalam masyarakat Melayu. Demikianlah di peringkat mujarad kita mungkin membaca kekuatan, tujuan dan pandangan hidup, kesukaan, nilai dan juga hiburan mereka.

Menurut Wilkinson dan Winstedt (1961:iii) bahwa "Seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang-orang Melayu, kalau tidak memahami pantunnya". Aliran fikiran ini, selain bermaksud pergerakan fikirannya, juga merujuk kepada isi hati dan akal budinya dan jiwanya.

Menurut Daillie seorang ahli pantun dari Perancis (1988:6), mengemukakan bahwa: "*The Malay pantun bears the unmistakable mark of such an attitude. This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of man's life: his land, his house, his garden, his paddy field, the river; the sea or the forest; the trees, fruits, animals, birds, fishes; the few simple things of everyday use; it expresses his customs and traditions, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, like his love of man, woman and God*".

Suatu khazanah pantun menyimpan keseluruhan pengalaman hidup manusia Melayu, dari unsur-unsur alam yang dilihat setiap hari, kepada adat istiadat, kasih sayang serta hubungannya dengan Tuhan. Dalam maksud ini pantun ialah puisi yang lengkap dan melukis wajah dan perasaan serta jiwa

bangsa Melayu. Sememangnya Daille meromantiskan pengalaman pantunnya, tetapi kita tidak dapat menolak dasar kebenaran dalam kata-katanya. Pendeknya, dalam pantun boleh ditemukan hidup, hati, jiwa orang Melayu.

Dalam masyarakatnya semua jenis masalah, termasuk konflik, harus diatasi, dan cara mengatasinya juga telah pun difikirkan dan dikemaskini mengikut perkembangan masyarakat itu, sesuai dengan bentuk masalah sezaman atau pun cara berfikir manusianya. Oleh itu dalam peribahasa dan pantun Melayu telah dinamakan institusi atau mereka yang dapat membantu, dan tidak lupa juga kaedah dan peringkat cara serta gaya penyelesaiannya.

Pemantauan sastera saya membawa kepada kesimpulan bahawa pantun ialah bentuk kedua terpenting dalam pemikiran sosial orang Melayu, iaitu setelah peribahasa. Sebahagian ruangnya jelas bertindih daerah dan ekspresi dengan bentuk yang lebih tua ini. Tetapi dengan perubahan zaman, penutur dan penggunaanya, maka telah berlaku perubahan terhadap bentuk asal pepatah, petiti dan perbilangannya sehingga tercanai kembali isi peribahasa dalam bentuk empat baris, yang dianggap lebih menarik, serta diiringi irama dan bunyi yang meningkah dan oleh itu lebih mudah untuk diingat.

Misalnya dalam baris-baris berikut. Peribahasanya berbunyi, "Ada beras kerja pun deras, Ada padi kerja pun menjadi". Seorang pemantun telah menambah dua baris pembayang kepadanya dan dengan itu menyediakan rima yang sesuai dengan sanjak peribahasa itu. Hasilnya ialah,

*Kayu keras si kayu kampas, Alas tempat orang berjudi;
Ada beras kerja pun deras, Ada padi kerja pun menjadi.*

Begitu juga halnya dengan dua buah peribahasa berikut: "Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau," dan "Carik-carik si bulu ayam, lama-lama bercantum juga". Akhirnya peribahasanya dimetamorfosiskan menjadi,

*Tinggi sungguh Gunung Daik, Mercunya nampak terang berkilau;
Kalau asal benih yang baik, Jatuh ke laut menjadi pulau.*

*Pergi ke rumah Cik Mariam, Ramai orang tengah berjaga;
Carik-carik si bulu ayam, Lama-lama bercantum juga.*

Pantun bukan saja digunakan untuk mengungkap kembali peribahasa yang berguna, tetapi malah, seperti diperlihatkan di atas, dipilih kerana bentuk ini hadir dalam banyak ruang hidup, perasaan dan fikiran manusia Melayu. Dengan berbuat demikian peribahasa dibawa ke daerah-daerah pengalaman yang belum dimasukinya sebelum ini. Dan pengalaman dalam ruang-ruang ini mendapat ekspresi berbentuk empat baris yang disayanginya ini.

Bentuk pantun terlalu terkenal untuk diperkenalkan kembali. Hanya perlu disebutkan di sini hakikat bahawa bentuk ini boleh berbaris 2 serangkap, 4 serangkap, 6, 8, 10 dan malah hingga 22 serangkap. Akan tetapi kerana lebih mudah dicipta oleh akal fikiran lisan dan diingatkan, maka yang berbentuk empat barislah paling sesuai dan disukai.

KAJIAN PENYELESAIAN KONFLIK

Sudah terdapat sebuah kajian yang baik tentang kerarifan tempatan dalam bidang penyelesaian konflik. Kajian ini disusun sebagai kursus bermodul yang berjudul 'African Traditional Methods of Conflict Resolution' (Oloaba, Anifowose, Yesufu dan Durojaye, 2010), diajar di Universiti Kebangsaan Terbuka, Nigeria. Cakupannya luas, dan sesuai dengan kajian untuk mengesan konflik dalam baris-

baris pantun di Malaysia ini – termasuk yang khusus mempersoalkan konflik di antara individu, dalam masyarakat, dan suku-suku. Kaidah penyelesaian Melayu yang pernah digunakan dikekalkan dalam rangkap-rangkap pantun yang akhirnya dimaktubkan dalam ingatan bangsanya. Dan baris-baris ini digunakan untuk tujuan pembahagian bentuk dan kaedah penyelesaian.

Kita tidak dapat menurut seluruh bahagian-bahagian modul ini kerana keperluan kita agak berlainan, begitu juga bentuk dan susunan masyarakat kita. Seperti akan dilihat nanti pantun Melayu tidak membincangkan atau menyentuh bebrapa bahagian atau modul Nigeria ini. Namun begitu kita dapat memilih-memilih dari antara bab-bab yang sesuai dan masih gunakannya sebagai contoh untuk mencapai tujuan kita.

Berikut ialah bagian-bagian yang digunakan untuk menganalisis konflik.

Module 1 Nature and Causes of conflict in African Society

Unit 1 Sources of Conflict in Traditional African Society

Unit 2 Features of Indigenous Conflict Resolution

Unit 3 Traditional Institutions for Conflict Resolution

Unit 4 Principles of Conflict Resolution in African Society

Unit 5 Nature of Conflict Prevention in African Society

Module 2 African Traditional Methods of Conflict Resolution

Unit 1 Adjudication Method

Unit 2 Reconciliation Method

Unit 3 Mediation Method

Unit 4 Negotiation Method

Unit 5 Arbitration Method

Module 3 Indigenous Personalities in Conflict Resolution

Unit 1 Kings and Chiefs

Unit 2 Ancestors

Unit 3 Elders and Family Heads

Unit 4 Age – Grade Association

Unit 5 Secret societies

Module 4 Traditional Strategies for Peace-Making and Security in African Society

Unit 1 Employment of Extra-Judicial Methods

Unit 2 Practice of Inter-Marriages as Peacemaking Inducement

Unit 3 Enforcement of Diplomatic Relations

Unit 4 Demonstration of Hospitable Norms and Peace Initiatives

Unit 5 Appointment of Ambassadors as Agents of Peace.

Pembahagian modul ini cukup jelas, dan oleh itu membantu kita melihat unit-unit yang terdapat dalam khazanah pantun Melayu. Namun isi kandungan bahagian-bahagian ini masih cair, masih boleh dibincang kategorinya dan juga ruangnya.

Suatu masalah yang harus kita tempuh di sini ialah ruang pantun Melayu itu sendiri. Pantun kini digunakan dalam tidak kurang daripada 35 bahasa Nusnatara, dan tidak kurang daripada 30 dialek Melayu. Pantun itu sendiri ialah pengembara yang nekad – bergerak daripada satu suku atau bahasa ke suku atau bahasa yang lain dengan cara sangat alamiah. Kini sudah agak susah untuk menentukan daerah asal-usul pantun terkenal kita, misalnya, dan ke mana hijrahnya, atau bagaimanakan diterjemahkan atau disesuaikan oleh masyarakat dan suku yang tidak berbahasa Melayu. Kajian begini memerlukan waktu yang sangat panjang, dan mungkin tiada akhirnya kerana tiada banyak terdapat bukti yang nyata atau bertulis. Lalu lintas pantun sedang rancak, seperti air pasang yang menempuh banyak pantai, sungai dan muara.

Jadi kita ambil kesimpulan longgar bahawa pantun Melayu, untuk kajian ini, ialah pantun-pantun yang digunakan di daerah-daerah yang menggunakan bahasa Melayu. Yang dasar ialah Semenanjung (sampai ke selatan Siam), Pesisir Borneo Utara, Kalimantan Selatan, Timur dan Barat, Sumatera Barat, Kerinci, Riau, Sumatera Utara dan juga Jambi, Palembang serta Betawi/Jakarta.

Oleh kerana daerah Alam Melayu terbentang luas kita tidak mungkin memberi ruang sewajarnya kepada seluruh masyarakat Melayu di Nusantara, yang tersebar dari Nusa Tenggara ke Sumatera Utara dan Barat, dari Semenanjung Kra ke Pulau Cocos, yang juga rancak lagi berbagai-bagai sifat dan wataknya. Dan tahap-tahap perkembangan setiap satunya juga berlainan daripada yang satu lagi.

Supaya dapat lebih mendekati kajian ini kepada teras 'Melayu' ini, kita terpaksa memilih hanya beberapa masyarakat yang dekat kepada sistem yang telah mencipta peribahasa ini dan masih mengekalkan susunan tradisionalnya, dan seterusnya tidak dirosak dan diubah secara radikal oleh kolonialisme dan globalisasi. Akan tetapi, walau pun ada bahagian atau cara hidup yang telah dipengaruhi oleh sistem dari luar ini, masih ada juga daerah-daerah yang mendapat manfaat langsung dan kekal dengan pemikiran dan pendekatan yang ditawarkan oleh peribahasa, terutama untuk individu, ahli-ahli masyarakat, dan kehidupan dalam masyarakat itu. Di Malaysia banyak kampung yang masih mengekalkan sistem tradisionalnya, walau pun yang lebih dekat kepada kota dan pantai barat Semenanjung sudah banyak terhakis. Berdasar faktor-faktor inilah saya bercadang memusatkan kajian ini hanya kepada Semenanjung dan juga Sumatera Utara dan Barat, di Indonesia. Jalinan sejarah, masyarakat dan diaspora telah membaurkan kedua-dua tebing Selat Melaka ini sehingga kita dapat mengkajinya sebagai sebuah peradaban bersama (walau pun ada beberapa perbezaan) yang cukup jelas.

Untuk tujuan penyelidikan ini saya menggunakan korpus pantun yang terdapat dalam *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* (Harun Mat Piah), *Kurik Kundi Merah Saga*, (Mohd. Thani dan Jamilah Haji Ahmad, ed.), *Kumpulan Pantun Melayu*, (Zainal Abu Bakar, ed.), serta beberapa kumpulan kecil yang dikumpulkan di Pulau Pinang dan Kedah dari sumber lisan dan tulisan.

KONFLIK DAN MASYARAKAT

Sekiranya kita beranggapan bahawa pantun itu cermin jiwa orang Melayu dan masyarakatnya, maka yang dicerminkan dan diperikan juga ialah berbagai-bagai jenis konflik - kecil dan besar - yang dirasakan, diucapkan atau yang dipendamkan.

Dunia pantun boleh mengandungi isi akal dan perasaan seseorang individu, sebuah keluarga, sebuah masyarakat atau negeri/negara. Pantun tidak lepas daripada melukiskan dunia-dunia yang berlapis-lapis ini, dan ternyata sering bertindihan pula. Dalam baris-baris pantun, walau pun demikian, masalah manusia individulah yang mendapat ruang yang lebih besar. Sebabnya ialah hakikat bahawa yang menciptanya ialah manusia pemantun, iaitu individu-individu yang mengalaminya secara langsung dan setelah itu terus mengarang baris-baris sebagai respons kepada pengalamannya.

Untuk melakukan analisis ini saya kembali kepada struktur yang diajukan dalam wacana `African Traditional Methods of Conflict Resolution' di Nigeria (2010: iii-v) ini, dan Cuba menggunakannya untuk keperluan pantun dan konflik (albeit dengan penyesuaian). Langkah-langkahnya adalah (1) melukis rupa dan bentuk konflik; (2) mencari sumber konflik; (3) melihat sifat-sifat konflik tempatan; (4) mengesan institusi yang terlibat; (5) prinsip penyelesaian masalahnya dan akhirnya, dan (6) cara menghalang/mengelakkan konflik daripada terjadi atau merebak.

Rupa dan bentuk Konflik:

Dalam bahasa Melayu istilah yang merujuk kepada konflik itu berbagai-bagai. Sekiranya kita bahagikannya kepada kategori-kategori berikut maka kita akan dapat menyaksikan kerencamannya. Kategori konflik yang lebih umum dilukiskan oleh istilah-istilah berikut:

perbezaan pendapat, perselisihan pendapat, pertikaian, persaingan
perbalahan, bertengkar, dan peperangan.

Tetapi anehnya dalam pantun, kita agak sulit mengesan perkataan-perkataan ini. Perkataan `bertengkar' muncul dalam rangkap berikut:

*Kampung Guar Utan Aji, Pohon cempa berbunga kuning;
Asyik bertengkar kerja tak jadi, Baik juga bawa berunding.* (BLBB:58:127)

Hanya sebuah pantun saja yang mempersoalkannya. Pantun ini juga belum melukiskan peringkat sengketa, permusuhan, perseteruan, peperangan dan pertarungan,

*Anak Cina masak itik, Masak mari sampai luluh;
Memang tak guna berbini cantik, Hari-hari sahaja bergaduh.* (KKMS 15:99)

Dan hanya sebuah saja yang menyebut `peperangan', yaitu peringkat yang parah dalam sesuatu konflik,

*Buah almera dari seberang, Bersama salak ke negeri Perlis:
Antara negara gamak berperang, Disokong galak bangsa nan iblis.* (SPK:66:103)

Dalam senarai kata rujuk yang disediakan oleh Harun Mat Piah tiada satu pun istilah konflik yang tersenarai di atas itu ditemui. Mungkin, pertamanya, kerana ini kata nama yang abstrak yang dalam pantun jarang diikutsertakan; kedua, pantun-pantun Melayu tidak membentangkan konsep tapi lebih menekankan peristiwa dan perasaan, dan akhir sekali, sudah menjadi sifat dan estetika pantun supaya maknanya tidak disampaikan secara langsung. Malah pantun yang sangat berterus terang itu jarang dianggap baik, dan dinilai sebagai rendah seninya. Jadi menganalisis persoalan bukanlah ruang yang diminati pengarang pantun. Yang disukai ialah menyentuh atau hanya memalitkan masalah melalui baris-baris pemantunnya.

Dalam masyarakat Melayu konflik ini dilahirkan dalam bentuk: berdebat, bertikam lidah, bertengkar, bercakar, berlaga, menyanggah, tengkarah, tingkarah, peperangan, dan juga perselisihan, perkelahian dan perbantahan. (Muhammad, 2012). Di sebaliknya sebahagian besar korpus pantun berisikan perasaan dan peristiwa yang berhubungan dengan kasih sayang dan percintaan. Dan dalam hal ini nampaknya konflik agak berada di luar wilayah terasnya, walau pun pun ada terbayang perasaan merajuk, kecil hati, ditinggalkan, sedih dan sebagainya dalam bait-baitnya.

Konflik juga dapat dikesan sebagai akibat daripada ahli keluarga atau penduduk kampung yang hidup sangat berdekatan di antara satu sama lain dan dalam jangka waktu yang lama, sebagai saudara, jiran, ahli kariah mesjid, anak buah seorang penghulu atau wakil raja setempat. Mereka sering saling bertemu, berbincang, berbeza pendapat dan bertikai. Dan penduduk sesebuah kampung sering mengalami pergeseren, pertelingkahan dan perbalahan. Kata sebuah pantun, yang meminjam pepatah sebagai teras kecerdasannya,

*Sayang pindah naik rakit, Rakit berikat tali bemban;
Sedangkan lidah lagikan tergigit, Inikan pula sahabat sekawan.* (KKMS 198: 1567).

Sekiranya konflik dapat dikaji mengikut peringkat-peringkatnya dalam peribahasa, maka dalam pantun pula tiada suatu keteraturan yang dapat memandu penyelidik, dan tiada pun suatu taburan pantun yang dapat digunakan untuk menjadi bukti pemikiran pada setiap peringkat ini. Pada kenyataannya pantun dicipta oleh seseorang pemantun secara agak spontan dan oleh itu tidak mudah dikategorikan. Kemunculannya berdasarkan oleh pemantunnya. Walau pun perasaan mempunyai logikanya sendiri, tetapi sekiranya kita mencari logika kategori dan keteraturan dalam kumpulan pantun, maka kita mungkin akan kecewa.

Pantun tentang sesebuah persoalan berhubungan konflik bertaburan dalam korpus-korpus yang saya digunakan, tapi ternyata sangat kecil jumlahnya. Misalnya untuk mencari pantun yang menyentuh "pertikaian" kita harus mengharungi tidak kurang daripada 7,000 buah pantun, dan yang ditemui menggunakan perkataan "pertikaian" ini hanyalah satu rangkap. Dan ini juga berlaku dalam kes-kes lain sewaktu mencari perkataan "perbalahan", "sengketa", "peperangan" dan sebagainya. Namun begitu kita teruskan usaha mengesan pantun yang memerikan peringkat-peringkat konflik. Sehingga kini saya lihat hanya sebuah yang memerikan peringkat awal atau permulaan konflik, iaitu dalam rangkap berikut:

*Malam sejuk bayu berdesir, Hati gundah bawa bermenung;
Jangan kerana sebutir pasir, Kita bertelagah sebesar gunung.* (BLBB:63:67)

Dan sebuah lagi,

*Baju cik tangan sekerat, Habis minyak sebelah bahu;
Perkara sedikit jangan dok melarat, Kerana nanti banyak orang tahu,* (KKMS 311:2408)

yang menurunkan suatu peringatan kepada orang yang berhasrat untuk bergaduh, atau meneruskan masalah, kerana konflik juga boleh bersumberkan masalah yang sangat kecil tapi diperbesarakan, dan dalam masyarakat yang selalu mengelak malu, konflik malah mendatangkan malu kepada orang yang berkelahi.

Seterusnya ialah suatu lagi peringatan, kali ini, sekiranya konflik itu melarat pula, akibatnya ialah 'berpatah arang,' yang menyebabkan hubungan yang pernah ada akan putus sama sekali, dan tidak mungkin dapat disambung kembali.

*Rebus ubi tanam di kampung, Sawah ladang tidak berpadi;
Putus tali boleh disambung, Patah arang kerat sekali.* (KKMS: 189)

SUMBER KONFLIK DALAM MASYARAKAT MELAYU

Ternyata sumber konflik di antara manusia ialah manusia sendiri. Sumbernya cukup banyak: dari perebutan kuasa, kepada hak dan perasaan individu, kepada hubungan di antara ahli sesebuah masyarakat, situasi ekonomi dan kepercayaan serta tafsiran agama (National Open University of Nigeria, 2010). Sayangnya, korpus pantun tidak melukiskan sumber konflik, walau pun terbayang sesekali keresahan dan kesedihan yang disebabkan oleh perselisihan di antara kekasih – yang sebenarnya tidak tergolong sebagai pergaduhan atau peritkiaan, dan apa lagi, peperangan.

Tetapi seperti korpus peribahasa, pantun juga lebih memberikan perhatian kepada cara mengelak konflik di antara individu dan dalam masyarakat. Strategi masyarakat ini ialah membina sejumlah individu, ahli masyarakat, pendeknya, manusia yang baik, dari sejak mereka kecil lagi. Kita tarik kesimpulan bahawa dalam sudut pandangan tetua masyarakat ini manusia yang terdidik baik, lengkap dengan nilai-nilai peribadi yang penuh perhatian, sopan, pandai berhubungan dengan orang lain, pandai menjaga hati orang lain, selalu berbuat baik dan menyumbang kepada masyarakatnya, akan akhirnya sama membina masyarakat yang tidak diruntuhkan oleh konflik. Dalam tafsiran luas dan unggul dia ialah orang yang `berbudi`.

Dan dalam konsep manusia unggul masyarakat Melayu, budilah yang menjadi sifat terasnya. Tetapi `budi` itu sangat rumit konsepnya. *Kamus Dewan* (2005) memberikan 4 makna: (1) akal dan kebijaksanaan, (2) (budi pekerti), perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, dan watak, (3) sifat baik, perbuatan baik, dan kebajikan, (4) bicara, daya upaya. Kesemua makna ini bertidihan dan yang satu berkaitan, bergema dalam yang lain pula. Tidak setiapnya dapat dicari pantun yang khusus berkaitan sifatnya. Hanya budi dalam maksud pekerti perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, dan watak saja yang dapat saya kesan dalam beberapa buah rangkainya. Misalnya, dalam rangkap berikut:

Bagaimana tidak dirimba, Lalu jatuh dari durinya;

Bagaimana tidak dicinta, Hatiku hancur mengenang budinya. (KKMS, 573:4460)

Ada sebuah lagi rangkap yang mendasarkan hubungan dan perbincangan kepada unsur budi – iaitu dari sifat diri dan nilainya, hubungannya dengan orang lain dan sebagainya. Tanpa dasar ini perbincangan pun tidak dapat diteruskan dan konflik pun bermula:

Helang menyambar burung udara, inggah menyambar gelugut batang;

Hilang budi lenyap bicara, Kasih menjulung bencana datang. (KKMS, 684: 5332)

Istilah `budi` cukup purba usianya, dan sudah sangat lama dipinjam dari Bahasa Sanskrit. Setelah diterima istilah maka istilah ini mengangkut makna khusus Melayunya, sekurang-kurangnya selama 1000 tahun. Makna-makna khusus Melayu ini tumbuh dari konteks kampung dan persekitaran Melayu, maka ertinya, seperti disebutkan sebelum ini, juga saling bertautan, berbauran. Sebagai pengguna bahasa, setiap kali istilah itu digunakan dalam suatu konteks, maka dia akan mendengar juga gema makna ketiga-tiga sudut yang lainnya.

Zainal Kling (2009 23:55) yang sering mengkaji konsep budi Melayu ini menyebut bahwa:

”Kelakuan anggota masyarakat dinilai dengan menggunakan asas gagasan ‘budi’ itu. Dengan demikian kita dapat menyimpulkan bahawa gagasan ‘budi’ ini adalah gagasan nilai yang beroperasi serta mempunyai kehadiran empiris dalam masyarakat. Lebih dari itu ia menjadi suatu presep kerana kelakuan yang melanggarnya diberi ‘hukuman’ sebagai ‘tidak mengenang budi’ lalu seorang itu akan mendapat perhatian yang rendah dan tidak digemari. Atau, kelakuan itu disanjung kerana tahu membalas budi...”

Menurut Zainal lagi,

”Amalan nilai budi ini menandakan bukan sahaja pendidikan yang sempurna bahkan juga pembawaan yang unggul seseorang anggota masyarakat. Lebih-lebih lagi kerana nilai ini amat mementingkan ‘kesejahteraan orang’ sehingga sering dibuat gurindam betapa budi yang melampau mementingkan orang lain dapat merosakkan diri sendiri”. Gurindam Mak Si Randang merakam sikap itu secara melampau:

*Baik budi Mak Si Randang
Dagang lalu ditanakkan
Tiada kayu rumah diruntuhkan
Anak di pangkuan diletakkan
Kera di hutan disusui
Awak juga yang kelaparan.*

Konsep budi ini menuntut cara, perlakuan, tutur kata yang baik daripada seseorang ahli masyarakatnya. Orang ini juga harus pandai dan berbudi dalam hubungan antara-individunya orang lain, dan seterusnya juga dapat dianggap ‘baik’ dalam masyarakat umumnya.

Demikianlah pantun ini menyarankan kita mengenang budi, dan menghormati leluhur, terutama sekali ibu (dan bapa), seperti dalam pantun berikut:

*Kalau tuan memerah susu, Susu di taruh di dalam talam;
Jangan sekali lupakan ibu, Ibu menjaga siang dan malam.*

Dalam hubungan antara-individu, orang Melayu disarankan selalu menggunakan kata-kata yang menenteramkan dan oleh itu menjadi penawar kepada yang mendengarnya. Jadi cara bertutur juga dianggap sebahagian daripada diri orang berbudi ini.

Dalam ucapan harian aspek ini dikenali sebagai budi bahasa, khususnya tutur kata dan gaya ucapan itu sendiri,

*Dari Lukut hendak ke Kedah, Beli baju tawar-menawar;
Cubalah ikut resmi lebah, Mengeluar madu jadi penawar. (BLBK:69:68)*

Nampaknya kehalusan berbudi ini bukan sesuatu yang muncul dalam diri seseorang itu secara alamiah, tetapi ialah hasil daripada didikan yang teratur dan berkesan. Dalam konteks yang lain budi dilihat sebagai ‘dari benth yang baik,’ yaitu daripada keturunan atau keluarga yang baik, yang telah mendidik anak-anaknya menjadi manusia yang berbudi.

*Pulau Bentan Pulau Daik, Mercu bertaut nampak berkilau;
Kalau asal benih yang baik, Terbuang ke laut menjadi pulau. (KKMS, 1453:184).*

Oleh itu untuk jadi manusia berbudi seseorang itu harus diajar, diserapkan nilai-nilai baik ini, melalui pendidikan resmi dan juga tidak resmi, dan bermula dari masa seseorang itu masih kanak-kanak.

Di antara kekasih juga diperlukan budi,

*Banyak duri perkara duri, Mana sama duri selasih;
Banyak budi perkara budi, Manakan sama budi kekasih. (KKMS, 317:42)*

Malah ada yang terpaut hanya kerana budi,

*Bagaimana kalau tak ikat, Kait dengan duri-durinya;
Bagaimana aku tak ingat, Orang baik hati budinya. (KKMS, 294:39)*

*Banyak itik anak itik, Turun ke sawah makan padi;
Tengok cantik dipandang cantik, Tambah pula berhati budi. (KKMS, 319:42).*

Pada umumnya masyarakat Melayu berpegang kepada hakikat bahawa hidup seseorang manusia itu harus dipimpin oleh budi, kerana itulah yang akan menjadi teras ingatan terhadapnya apabila dia sudah tiada lagi di dunia:

*Buah pedada dalam baldi, Masak nasi hari petang;
Hidup kita biar berbudi, Hingga mati dikenang orang. (KKMS, 421:55).*

*Buah nyiur bertandan-tandan, Dipanjat orang bawa ke pekan;
Selagi umur dikandung badan, Masakan budi orang lupakan. (KKMS, 414:54).*

Tetapi yang paling mengesani, nampaknya ialah tutur bicara seseorang itu. Bahasa badani boleh berbicara, tapi tidak mungkin sefasih dan sehalus bahasa tuturan. Bahasa tuturan yang baik itu disebut sebagai `manis` dalam pantun berikut atau dalam beberapa hikayat lainnya, termasuk *Hikayat Hang Tuah*,

*Bintang di timur cuaca baik, Cahayanya sampai ke hutan seberang;
Mulut manis hatinya baik, Inilah budi dikenang orang. (KKMS, 383:50).*

Tapi, pada umumnya, secara lebih luas, budi ialah dasar diri seseorang manusia, termasuk cara dia berhubungan dengan dengan orang lain. Dia juga, di suatu pihak, harus baik budi di dalam peribadinya, dan di pihak yang lain, manis tutur katanya serta berbakti pula kepada masyarakatnya. Inilah manusia yang akan kekal lama dalam ingatan, yang selalu disebut. Sebagai bandingannya ada pula yang berwajah manis tapi tiada berbudi.

Seterusnya, dalam korpus pantun disebutkan bahawa salah satu cabang kepada `budi` orang Melayu ialah kelakuan, sikap dan cara seseorang itu merendah diri. Nampaknya ini juga sifat manusia sosial Melayu yang dianggap baik – yang selalu menjadikan dan mempamerkan sifat ini sebagai sebahagian daripada jati dirinya. Manusia sangat sering dinilai berdasarkan sifat kerendahan diri ini. Tapi kita diingatkan juga bahawa merendah diri ini juga ada batasnya; sekiranya agak terlampau merendah diri, orang itu mungkin menjadi hamba kepada orang yang mengambil kesempatan atau rakus kuasa,

*Baik-baik mengail tenggiri, Takut terjena ikan parang;
Baik-baik merendah diri, Jangan menjadi hamba orang. (PMBP, 881:138).*

Sifat seterusnya yang dituntut daripada ahli masyarakat ialah **kesabaran**. Dalam susunan masyarakat yang bertingkat-tingkat dan kuasa yang berlapis-lapis, selalunya terdapat beberapa tingkat dan lapis di atas seseorang ahli masyarakat itu. Maka sangat penting untuk dia bersabar. Orang bersabar dapat mengatasi karenah peringkat dan egoisme bangsawan serta orang atasan. Jika dia bersabar dan tenang dia mungkin digolongkan sebagai matang dan madani, dan oleh itu dihormati.

*Tanah baik negerinya besar, Banyak orang pergi mari;
Ramah baik lagi penyabar, Banyaklah orang mesra di hati. (PMBP, 1115:175)*

Dan sifat sabar ini antara lainnya juga dapat menghasilkan kerja yang tersusun, halus dan bermutu.

*Dari Pulau Tambun ke Pekan, Menggunakan tenaga nelayan;
Tekun dan sabar asas kejayaan, Rajin dan usaha kesenangan. (PMBP, 930:146)*

*Pagi petang siang malam, Tinggi rendah panjang lebar;
Di luar pisang racun di dalam, Penawar mudah, banyakkkan bersabar (KKMS:2812:362)*

Walau pun sistem feodal sering juga membuatkan seseorang itu tidak bercakap jujur (biasanya untuk menyelamatkan diri atau keluarga, atau namanya) namun begitu pada umumnya nilai bercakap benar dan jujur itu amat dihargai,

*Dari Melaka ke Kuala Lanar, Pergi meraih buah kuran;
Jangan takut bercakap benar, Kerana itu tanda kejujuran. (PMBP, 928:145)*

Demikian pula orang Melayu sangat memandangi tinggi orang yang sudah ke Mekah, menjadi guru agama dan beriman teguh.

*Kapal Anjiman dari China, Singgah bermuat papan jati;
Amal dan iman biar sempurna, Tidaklah jadi sesal di hati. (PMBP, 1000:157)*

Mereka ini dianggap lebih dekat kepada ajaran Tuhan dan saranan nabinya, dan oleh itu lebih mulia. Orang yang beriman juga ialah calon ke surga,

*Kain cindai harum kasturi, Bila dipakai cantik terserlah;
Anak disayang harta dicari, Paling utama kasihkan Allah. (PMBP, 992:156)*

*Ia bernama Dandan Setia, Luahnya dari negeri aman;
Barang siapa tahan setia, Itulah tanda orang beriman. (PMBP, 970:152)*

*Dewa-dewa melihat sakti, Diam dalam gua batu;
Jangan encik susah hati, Susah ada Tuhan membantu. (KKMS, 673)*

Oleh karena itu, tidak menghairkan sekiranya kita melihat pantun, sebagai wakil daripada nilai-nilai baik masyarakat, sering mengiklankan sifat-sifat itu orang yang berbudi.

Pertama, tekun/rajin, seperti dalam pantun-pantun berikut:

*Kain basah dibubuh najin, Rupanya indah berbagai ragi;
Jikalau tidak usaha rajin, Di manakah kita mendapat rezeki. (PMBP, 990:155)*

Kedua, cerdik/ berakal,

*Banyak dilihat jauh berjalan, Lama hidup banyak dirasai;
Kalau kita dalam kerapatan, Marah dan duka jangan dipakai. (PMBP, 884:139)*

Sekiranya manusia berbudi membawa suasana nyaman dan membina masyarakat yang damai, di sebaliknya wajah gelap beberapa watak dalam masyarakat itu juga ditampilkan, sebagai bandingan dan

sebagai asas pertimbangan kita. Mereka, yang tinggal dalam bayang gelap masyarakatnya, tergolong dalam jenis manusia yang menimbulkan konflik. Yang pertama dan selalu disebut ialah yang bercabang lidahnya, yang tidak dapat dipercayai kata-katanya, tetapi biasanya sangat manis,

*Dari Pahang ke Kuala Lipis, Hajat hendak terus ke utara;
Masa bertentang mulutnya manis, Bila belakang lain bicara. (KKMS:647:83)*

*Limau manis buah papaya, Bunga selasih ditiup angin;
Mulut manis kepada saya, Hati kasih kepada yang lain. (KKMS 1117:142)*

*Encik Ali orang Seniawan, Mari berulam pucuk ketapang;
Sampai hati kakanda tuan, Mulut manis lidah bercabang. (KKMS:4620:593)*

*Asam kandis asam gelugur, Taruh mari didalam dulang;
Mulunya manis di luar bibir, Manis tidak sampai jua ke tulang. (KKMS:5168:664)*

*Kata bersongsong jadi bantah, Kata kemudian kata mencari;
Nan ditepati kata dahulu, Petua alim nan sudah-sudah,
Lain di mulut lain di hati, Hukumnya munafik kata guru. (PMBP , 543:86)*

Begitu juga sifat mementingkan diri – yang sangat dibenci dalam masyarakat di mana ahli-ahlinya sangat erat, dan sering pula berkait keturunannya. Pada orang begini ini dilihat kesombongan dan keangkuhan atau tidak ingin berkongsi harta dan kebolehan.

*Dari Benta hilir ke Pekan, Hilir membawa buah berangan;
Walau hidup dalam kemewahan, Kalau tak pakat orang tak segan. (PMBP, 926:145)*

Dalam kes berikut hanya ada hanya seorang pemenang, itu pun sebagai penjual kampungnya!

*Kain cindai dibuat tudung, Bersama sarung cantik berseri;
Biar tergadai maruah dan kampung, Asalkan kantung tetap berisi. (BLBB: 54:85).*

Perbuatan ini boleh dianggap sebagai suatu pengkhianatan, terhadap keluarga dan kampung sendiri.

*Ambil mengkawan menyemat atap, Mari dicucuk tiga hasta,
Kalau berkawan tak boleh harap, Umpama telunjuk mencucuk mata. (BLBB: 112:98)*

Dalam masyarakat begini ditemui juga orang tamak, yang juga tidak disenangi, seperti yang diingatkan dalam pantun berikut,

*Dalam semak ada duri, Ayam kuning buat sarang;
Orang tamak selalu rugi, Seperti anjing dengan bayang. (PMBP, 923:145)*

*Kulit lembu celupkan samak, Mari dibuat tapak kasut;
Harta dunia janganlah tamak, Kalau mati tidak mengikut. (PMBP, 1022:160)*

Sekiranya orang tamak dimarahi tetangganya, begitu pula orang yang sombong atau takabur, tidak disukai,

*Anak gajah mandi di sumur, Ambil galah dalam perahu;
Orang muda jangan tekebur, Cubaan Allah siapa tahu. (PMBP, 864:135).*

Nampaknya persoalan hati yang iri dan dengki, yang selalu diulang-ulangkan dalam karya sastra, dari *Hikayat Raja-raja Pasai, Sulalat al-Salatin, dan Hikayat Hang Tuah*, sama mendapat ruang dalam pantun. Saya kutip tiga buah, yang berbunyi begini,

*Anak kera di dahan meranti, Diam mari di dalam gua;
Apalah guna berhati dengki, Badan sendiri takut kecewa. (2006:10)*

*Sedaqlah sedaq saudara saudari, Kecil besar tua muda;
Jangan ingat dengki di hati, Itu semua kerja dosa. (TPJ: 110:351)*

Banyak lagi contoh sifat-sifat buruk yang dipantunkan – misalnya tentang orang yang kurang berhati-hati, suka menunjuk-nunjuk, malas, mengikut hawa nafsu, cemburu dan juga menerima rasuah. Tema terakhir ini menjlema dalam rangkap berikut,

*Menjolak tempua dengan galah, Terbang si ibu terkapa-kapa;
Seringgit dua rasuah salah, Beratus ribu hadiah tak apa. (SPK: 158: 125).*

INSTITUSI TRADISIONAL UNTUK MENYELESAIKAN KONFLIK

Sekarang kita coba usut pantun-pantun yang merujuk institusi-institusi dan manusia yang berjawatan, atau pun tidak dalam penyelesaian konflik, yang boleh diminta untuk membantu menteramkan dan mendamaikan pihak yang terlibat:

1. Raja. Pantun berikut ada merujuk secara tidak lansung bahawa raja yang adil disembah, dan berhak menjadi orang tengah atau hakim, dalam sesuatu perbalahan dan lain-lain. Oleh itu raja yang adil harus menjadi hakim.

*Laksamana Bentan datang menyembah, Merendah diri walau pun gagah;
Raja adil raja disembah, Raja zalim raja disanggah.*

2. Tetapi penghulu juga disebut, sebagai orang yang berkuasa dan dihormati, dan oleh itu seharusnya dapat membantu dalam kes-kes perselisihan dan sebagainya.

*Burung serindit tidur tergantung, Tergantung mari di alang tengah:
Tabiklah datuk empunya kampung, Kami bermain di tengah-tengah. (KKSM 70:539)*

3. Imam dan guru

Seperti dalam masyarakat lain juga guru dilihat sebagai orang yang berilmu dan boleh diandalkan. Malah dalam masyarakat Melayu guru itu ialah ustaz, iaitu alim yang mengajar agama. `Tok` Guru ini sering pula diangkat menjadi imam.

*Baik-baik belayar malam, Arus deras karamnya tajam;
Cari-cari mualim yang faham, Di situ banyak kapal yang tenggelam. (PMBP , 879:138)*

4. Ibu bapa

Dalam keluarga ibubapalah yang dipandang lebih arif dan berpengalaman dalam hidup. Lagi pun mereka meletakkan kepentingan bersama keluarga di atas segala-galanya, termasuk kepentingan peribadi mereka sendiri.

*Jika puan betul nareka, Tareka saya kain kasar;
Jika tuan benar suka, Pulang berunding dengan ibu bapa. (4715)*

Tidak dapat dikesan menteri, atau wakil istana lainnya, termasuk bendahara, temenggung dan syah bandar, sebagai manusia yang boleh menjadi orang tengah atau hakim dalam sesuatu perbalahan.

KAEDAH PENYELESAIAN KONFLIK BERDASARKAN PANTUN

Nilai-nilai dalam sebuah masyarakat yang disebutkan di atas dijadikan panduan dalam pendidikan anak-anak, supaya konflik tidak berlaku dan oleh itu merosakkan masyarakat itu nanti. Akan tetapi sekiranya konflik berlaku juga, dan ternyata konflik ada di mana-mana, di antara petani dan juga bangsawan serta juga orang berilmu, maka dicadangkan beberapa cara untuk menyelesaikannya. Sering dalam masyarakat Melayu adat dijadikan pembimbing kerana dianggap bijaksana, adil dan teruji, dan sekiranya di dalam adat itu tidak terdapat cara penyelesaian yang boleh digunakan maka harus dicari dalam syarak, seperti yang dicadangkan dalam pantun berikut,

*Kalau tak ada dalam pukut, Cobalah cari dalam tengkalak;
Kalau tak ada di dalam adat, Cobalah cari di dalam syarak. (PMBP:540:86).*

Cara yang sering muncul dalam pantun-pantun ini ialah (1) **Pengelakan**, yaitu usaha keras supaya konflik dapat dielak, dengan nilai-nilai yang disebutkan di atas, seperti kesabaran, berfikiran tenang dan saksama, (2) setelah itu dicadangkan **rundingan**, yang membawakan dua atau lebih pihak yang terlibat bersemuka dan berbincang tentang masalah yang sedang dihadapi, (3) Dan **bertolak ansur** ialah salah satu strategi utama dalam penyelesaian masalah, dan (4) **Muafakat** ialah tahap seterusnya daripada rundingan, dan tolak ansur. Pada tahap ini masalah sudah dileraikan dan pihak-pihak yang terlibat dapat berdamai kembali dalam suatu persetujuan, untuk kebaikan yang lebih menyeluruh dalam sesebuah kampung atau daerah, dan malah juga negara.

Pengelakan

Sebuah pantun mencadangkan kita tidak mendengar fitnah, yang dianggap sebagai sumber konflik. Kita juga disarankan usul periksa dengan teliti supaya tidak terheret ke dalam masalah yang mungkin tidak wujud sama sekali, dan hanya dicipta oleh fitnah,

*Datang sudah si kapal perang, Kapal menembak bertali-tali;
Bila mendengar fitnah orang, Jangan dipakai sama sekali. (PMBP, 934:146)*

*Kapal menembak bertali-tali, Dilayarkan kainnya kasa;
Jangan dipakai sekali-kali, Tilik dengan halus periksa. (PMBP, 935:146).*

Rundingan

Tentang rundingan pula jumlah pantun yang mengarah ke sana relatif lebih banyak, dan nampaknya cara ini terpilih dalam masyarakat Melayu. Misalnya dalam rangkap-rangkap berikut,

*Kampung Guar Utan Aji, Pohon cempa berbunga kuning;
Asyik bertengkar kerja tak jadi, Baik juga bawa berunding.* (BLBB:58:127).

*Lancang kuning belayar malam, Haluan dipaut menuju kuala;
Panjangkan runding luar dan dalam, Jangan diturut nafsu menyala.* (PMBP :1029:161)

Syarat pertama untuk berunding ialah bahawa yang berunding itu orang yang 'pandai', dalam maksud bahawa orang itu matang, berpertimbangan dan bijaksana – dan boleh diajak berunding.

*Kemuning di tengah balai, Bertumbuh semakin tinggi;
Berunding dengan orang tak pandai, Sebagai alu pengcungkil duri.* (PMBP, 1012:159)

*Jika adik masak serunding, Bolehlah dijamu kakak Zaharah;
Jika cerdik teman berunding, Jika bodoh disuruh arah.* (KKMS 256:1999)

Beberapa buah pantun malah dapat memperincikan tahap-tahap sesuatu rundingan ini,

*Sepinang dua pinang, Habis pinang dalam raga;
Sudah dimakan sirih pinang, Apa cerita mahu dibuka.* (PMBP, 587:93)

Apabila ada dua pihak yang pandai berunding maka dapatlah dipertemukan dua sudut pandangan dan penyelesaian pun mungkin dapat dicari,

*Air jernih sajaknya landai, Jalan raya titian batu;
Berunding cerdik dengan pandai, Faham dua menjadi satu.* (PMBP, 838:133)

Tolak Ansur

Dalam berunding itu akan terlibat unsur tolak ansur, di antara kedua-dua pihak, dan ini akan membuat mereka merasakan bahawa tidak hanya sebelah pihak saja yang bersetuju atau menyerah, tetapi kedua-duanyanya mengorbankan sebahagian daripada kepentingannya.

*Sayang ke darat menahan pukut, Sayang ke padang ke sungai merah;
Seperti kertas dengan dakwat, Sama menghadap sama mengalah.* (KKMS637: 4968).

*Usik dayang mengatih benang, Benang kusut terlalu susah;
Kalau tuan mengaku menang, Biarlah saya mengaku kalah.* (KKSM 558: 4363).

Akhirnya dapat dipersetujukan seperti kata pepatah Minangkabau,

*Jerat semata di hujung tanjung, Terkena landak jantanbetina;
Panjang dikerat pendek disambung, Untuk kita bekerja sama.* (KKSM 339:2631)

Bertolak ansur juga boleh bermakna suatu pihak itu maklum akan keadaan atau situasinya. Sekiranya pihaknya tidak mengalah kemungkinan besar pihak itu akan rugi secara menyeluruh.

Misalnya dalam sesebuah peperangan. Tapi sekiranya pihak itu bertolak ansur mungkin juga ruginya hanya pada sebahagiannya sahaja, sementara bahagian lainnya masih dimilikinya.

*Rugi setitik tidak mengapa,
Asalkan bencana dapat dihindar. (KKSM 34:251).*

Dari tolak ansur peringkatnya maju ke muafakat.

Muafakat

Mufakat bermaksud 'seia sekata', dan 'sepakat.' Di peringkat ini sudah dicapai persetujuan terhadap hal-hal yang telah dirundingi, dan kedua-dua pihak bersetuju serta akur kepadanya. Muafakat ialah usaha untuk masa depan, terutama untuk saudara mara, jiran tetangga dan malah ahli dalam sesebuah kampung.

*Mengala sudah cahaya merata, Lalu sampai ke birai telaga;
Muafakatlh setia sekata, Tanda hidup berkeluarga. (PMBP, 562: 90).*

*Laksamana turun ke kapal, Mengiringkan raja berangkat;
Bijaksana lagi berakal, Jangan berubah tanda muafakat. (PMBP, 1027: 161).*

*Mengiringkan raja berangkat, Memakai payung kekuningan;
Jangan berubah tanda muafakat, Gunung tinggi diangkat ringan. (PMBP, 1028:161).*

*Batang kelapa dipotong-potong, Tiap-tiap satu tidak disukai;
Bulat air kerana pembentung, Bulat manusia kerana muafakat. (KKMS, 1878).*

Oleh yang demikian setelah muafakat mempertemukan dua pihak dan persetujuan dicapai maka masa hadapan kerjasama dapat dimulakan atau diteruskan kembali seperti sedia kala.

Bermaaf- maafan ialah peringkat yang dianggap restoratif (Remy Bulan, 2013). Menyalahkan pihak bersalah, mendendanya harus dilakukan (apabila perlu dan membantu), tetapi memaafkannya akan menyatukan kedua-dua pihak yang terlibat dan membenarkan mereka kembali hidup dengan aman.

*Sudah beremas, beremas pula, Emas sekupan gdalam cerana;
Sudah bermaaf, bermaafpula, Maaf seorang maaf semua (KKMS542: 4231)*

Setelah itu air dalam betung akan bulat, seperti yang diingatkan tetua kampung dan akal sihat penduduknya,

*Hendak belayar di Teluk Betung, Sambil mencuba labuhkan pukut;
Bulat air kerana pembentung, Bulat manusia kerana muafakat. (SPK:51:100).*

Dengan cara begini akhirnya dicapai suatu tahap 'win-win situation', dan kedua belah pihak itu sama-sama menang,

*Cantiknya wajah Puan Sharifah, Manis senyuman tak dapat diucap;
Hati gajah sama dilapah, Hati kuman sama dicecap. (SPK: 42: 98).*

SIMPULAN

Demikianlah beberapa sudut pandangan pemantun tentang konflik, sumbernya, bagaimana untuk menyelesaikannya. Walau pun terdapat banyak sudut pandangan baru, dicipta oleh individu-individu yang pintar, tapi banyak juga yang menggemakan kebijaksanaan lama seperti yang termaktub dalam peribahasa. Peribahasa inilah yang dijadikan panduan dan pembimbing adat dan syarak.

Dalam pencarian saya bahagian konflik tidak menunjukkan hasil yang lengkap seperti yang dapat dicarikan untuk peribahasa, berdasarkan modul dari Nigeria ini, termasuk sumber konflik, pihak yang dapat membantu dalam penyelesaian masalah. Tetapi di bahagian penyelesaian terdapat cukup banyak rangkap yang mencadangkan berbagai-bagai cara, terutama yang berkaitan dengan rundingan, muafakat dan bertolak ansur. Inilah cara yang masih hadir dan dapat diterima dalam proses penyelesaian dan perdamaian. Akhir sekali unsur restoratif pada tahap bermuafakat dan bermaaf-maafan boleh juga ditauladani oleh sistem mahkamah dan pengadilan moden, kerana dengan hanya mendenda, masalah tidak seluruhnya terselesai, seperti disebut oleh Remy Bulan (2013).

DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Halim 'R', 2006. *Setaman Pantun Kenangan*. Pulau Pinang: PUSM.
- Dailie, Francois-Rene, 1988. *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. KL: DBP.
- Hamilton, A.W., 1959. *Malay Pantuns*. Singapura: Eastern Universities Press.
- Muhamamd Haji Salleh, 2012. 'Penyelesaian Konflik Secara Tradisional berdasarkan Peribahasa Melayu'. Kertas Seminar Kearifan Tempatan II. Pulau Pinang.
- Remy Bulan, 2013. Ceramah di Cenpris, USM. 13hb. Julai.
- Wilkinson, R.J. dan R.O. Winstedt, R.O. 1961. *Pantun Melayu*. Singapura: MPH. Cet ke-4.
- Zainal Kling, 2009. 'Nilai-nilai Unggul Masyarakat Melayu.' Seminar Peradaban Melayu 13 24 November. PDF Cetak E-mail http://ipm.upsi.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=385:kertas-3&Itemid=66
- Harun Mat Piah, *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* (PMBP): Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mohd Thani Ahmad dan Jamilah Hj. Ahmad, 1990. *Kurik Kundi Merah Saga*. KL: DBP.
- Oloaba, Anifowose, Yesufu dan Durojaye, 2010. 'African Traditional Methods of Conflict Resolution.' Kursus Universiti Kebangsaan Terbuka, Nigeria.
- Wan Khazim, *Bukit lagi Bintang Berkarang* (BLBB). Pulau Pinang: Penerbit USM.

Singkatan:

- PMBP, *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*
KKMS, *Kurik Kundi Merah Saga*.
BLBB, *Bukit lagi Bintang Berkarang*
SPK, *Setaman Pantun Kenangan*.

